



SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
Ogos
2026
1 jam

1249/1



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2026**

SEJARAH

Kertas 1

Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan**.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 18 halaman bercetak


[Lihat halaman sebelah

- 1 Kerajaan Majapahit mengamalkan undang-undang *Kutara Manawa*.
Apakah kepentingan undang-undang tersebut?
 - A Memperakui pelantikan raja
 - B Mencatat salasilah pemimpin
 - C Menjadi panduan pemerintahan
 - D Mengukuhkan perbendaharaan kerajaan


- 2 Apakah tugas pembesar peringkat jajahan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
 - A Mengawal aktiviti perdagangan
 - B Mengetuai urusan pentadbiran
 - C Mengatur strategi peperangan
 - D Menjaga keamanan kawasan

- 3 Revolusi Keagungan berlaku di England pada tahun 1688.
Apakah kesan revolusi tersebut?
 - I Pembebasan tahanan politik
 - II Pengisytiharan kemerdekaan negara
 - III Mengembalikan kedaulatan parlimen
 - IV Mengukuhkan sistem raja berpelembagaan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Gambar berikut menunjukkan tokoh nasionalis di Asia pada awal abad ke-20.



Mahatma Ghandi



Dr. Sun Yat Sen

Apakah matlamat perjuangan mereka?

- A Menuntut perubahan politik
 - B Melindungi ekonomi tempatan
 - C Memajukan sektor perindustrian
 - D Melaksanakan pemodenan pentadbiran
- 5 Pihak Bersekutu mengenakan sekatan ekonomi terhadap Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

Bagaimanakah Jepun menghadapi situasi tersebut?

- A Mengemukakan bantahan rasmi
- B Memohon bantuan antarabangsa
- C Mengadakan perjanjian damai
- D Menguasai wilayah baharu

[Lihat halaman sebelah

6 Bagaimanakah pasukan berikut menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu?

- Force 136
- Pertubuhan gerila Melayu

- A Menyebarkan propaganda
- B Mengerakkan kegiatan politik
- C Mengawal pergerakan penduduk
- D Melancarkan operasi penyamaran

7 Bagaimanakah penubuhan Malayan Union melicinkan pentadbiran British di Tanah Melayu?

- A Melaksanakan dasar dekolonisasi
- B Mengukuhkan sistem monarki
- C Memulihkan kuasa pembesar
- D Menyatukan semua negeri

8 Akhbar berikut menyuarakan bantahan terhadap gagasan Malayan Union selepas Perang Dunia Kedua.

- Warta Negara
- Majlis

Apakah seruan akhbar tersebut?

- A Mengadakan perhimpunan besar-besaran
- B Menambah bilangan kakitangan awam
- C Mengukuhkan perpaduan kaum
- D Menuntut kebebasan bersuara

- 9 Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan pada 25 Julai 1946.

Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?

- A Memulihkan kepercayaan rakyat
 - B Mengembalikan keamanan tanah air
 - C Menggubal perlembagaan baharu
 - D Mengkaji dasar pendidikan
- 10 Gabungan PUTERA-AMCJA telah mengemukakan Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah perkara yang terkandung dalam perlembagaan tersebut?

- A Jata negara
 - B Warna bendera
 - C Pendidikan seragam
 - D Perkhidmatan awam
- 11 Pasukan keselamatan berikut ditubuhkan untuk membanteras ancaman komunis di Tanah Melayu semasa zaman darurat.

- Home Guard
 - Auxiliary Police

Apakah tugas pasukan tersebut?

- A Merancang taktikal perang
- B Melindungi kawasan lombong
- C Mewujudkan keamanan kampung
- D Mengedarkan bekalan makanan

[Lihat halaman sebelah



- 12 Zaman darurat diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960.

Apakah kesan darurat kepada negara kita?

- A Membataskan hubungan sosial penduduk
- B Mengukuhkan ekonomi tempatan
- C Pembubaran sistem pentadbiran
- D Penubuhan parti politik radikal

- 13 Mengapakah jawatankuasa berikut ditubuhkan pada tahun 1949?

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)

- A Memberi pendedahan pentadbiran
- B Memupuk perasaan muhibah
- C Memperjuangkan hak sama rata
- D Mewujudkan gabungan parti politik

- 14 Parti Perikatan telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1954.

Apakah matlamat perjuangan parti tersebut?

- A Memastikan keadilan agihan kekayaan
- B Mempercepatkan usaha kemerdekaan
- C Menyeragamkan sukatan pelajaran
- D Menyuarakan idea pemuda


- 15 Perikatan UMNO-MCA telah berjaya memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi dalam pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.

Apakah faktor kemenangan tersebut?

- A Galakan pegawai British
 - B Kerjasama antara kaum
 - C Penglibatan Raja Melayu
 - D Bantuan golongan radikal
- 16 Mengapakah penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) pada tahun 1955 penting kepada negara?
- A Menentukan kuasa autonomi negeri
 - B Mengawal perbelanjaan kerajaan
 - C Mengatasi pertikaian politik
 - D Mengukuhkan amalan demokrasi

[Lihat halaman sebelah

- 17 Ilustrasi berikut menunjukkan perjalanan rombongan kemerdekaan ke London pada tahun 1956.



Mengapakah rombongan tersebut menaiki kapal laut ke Karachi?

- A Menyusun strategi perundingan
 - B Menjimatkan kos pengangkutan
 - C Mengurangkan risiko perjalanan
 - D Mendapat sokongan negara luar
- 18 Apakah kandungan draf perlembagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1956?
- A Peruntukan kuasa kehakiman
 - B Penubuhan Majlis Negeri
 - C Pembentukan Parlimen
 - D Penetapan dasar luar

19 Apakah peranan Jawatankuasa Fizikal untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?

- I Membina stadium
- II Menghias bandar
- III Menganjur kursus protokol
- IV Mencipta lagu kebangsaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan buat pertama kali di Ibu pejabat Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 15 Oktober 1957.

Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada negara kita?

- A Memperoleh bantuan ketenteraan
- B Mendapat pengiktirafan antarabangsa
- C Memperkukuh kedudukan mata wang
- D Memonopoli pasaran bersama

[Lihat halaman sebelah

- 21 Maklumat berikut berkaitan jenis kedaulatan.

Kedaulatan Tradisional	Raja sebagai pemerintah tertinggi
	Diperkukuh oleh taat setia rakyat
	X

Apakah **X**?

- A Pemerintahan berkuasa mutlak
 - B Pembentukan identiti nasional
 - C Persamaan rumpun bangsa
 - D Pengiktirafan negara luar
- 22 Malaysia merupakan negara yang berkongsi sempadan dengan Singapura, Thailand, Brunei, Filipina dan Indonesia.

Apakah tujuan penetapan sempadan tersebut?

- I Memelihara seni warisan
 - II Memudahkan urusan pentadbiran
 - III Meningkatkan pembangunan ekonomi
 - IV Menggalakkan aktiviti pelancongan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



- 23 Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak telah dipengerusikan Raja Muda Yusof pada tahun 1877.

Apakah kepentingan mesyuarat tersebut?

- A Merintis pembentukan undang-undang negara
- B Mengurangkan pemusatan kuasa pembesar
- C Menghalang kemasukan pengaruh Barat
- D Mengukuhkan perpaduan orang Melayu

- 24 Semua perkara yang berkaitan dengan Singapura telah dimansuhkan semasa pindaan perlembagaan pada 7 Ogos 1965.

Apakah perkara tersebut?

- A Kuasa imigresen
- B Kerajaan tempatan
- C Bekalan air mentah
- D Biasiswa pendidikan

- 25 Sebelum Perang Dunia Kedua, British sukar meluaskan kuasa di Tanah Melayu.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Pelaksanaan pentadbiran moden
- B Halangan golongan agama
- C Campurtangan kuasa luar
- D Amalan pemerintahan beraja

[Lihat halaman sebelah

- 26 Maklumat berikut berkaitan hak asasi yang diamalkan dalam negara kita.

Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk kepada sekatan undang-undang.

Mengapakah kebebasan tersebut tidak bersifat mutlak?

- A Menyekat amalan berpolitik
 - B Menjamin ketenteraman awam
 - C Mengelakkan krisis kepimpinan
 - D Memastikan ketelusan maklumat
- 27 Apakah fungsi Kerajaan Tempatan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976?
- I Menetapkan cuti umum
 - II Menguruskan dana awam
 - III Mengeluarkan lesen penjaja
 - IV Menyelenggara sistem saliran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 28 Apakah faktor yang mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita?
- A Komposisi penduduk
 - B Kuasa budi bicara raja
 - C Keluhuran perlembagaan
 - D Konsep pengasingan kuasa

29 Mengapakah Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari menentang cadangan pembentukan Malaysia?

- A Mengekalkan keunikan etnik
- B Memperjuangkan tradisi budaya
- C Mengukuhkan pertahanan negara
- D Mempertahankan sumber kekayaan

30 Apakah peranan Suruhanjaya Cobbold yang ditubuhkan pada tahun 1962?

- A Menyediakan rangka perlembagaan
- B Menetapkan syarat kerakyatan
- C Meninjau reaksi penduduk
- D Memupuk aktiviti hebahan

31 Maklumat berkaitan perjanjian yang ditandatangani antara Malaysia dan Thailand.

- Perjanjian Kerjasama Sempadan 1976
- Perjanjian Hat Yai 1989

Mengapakah perjanjian tersebut ditandatangani?

- A Menjalankan misi kemanusiaan
- B Mengadakan latihan ketenteraan
- C Menghapuskan ancaman komunis
- D Membanteras pemerdagangan orang

[Lihat halaman sebelah

- 32 Maklumat berikut berkaitan isu pembangunan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Pertama.

- Kebergantungan kepada eksport getah dan bijih timah
- Kejatuhan harga bahan mentah

Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi isu tersebut?

- A Mencari pasaran baharu
- B Memperkasa peranan koperasi
- C Memperkenalkan teknologi dron
- D Menetapkan kuota pengeluaran
- 33 Akta 32 digubal dibawah perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
Apakah kepentingan akta tersebut?

- A Melindungi kedudukan istimewa Bumiputera
- B Memartabat penggunaan bahasa Melayu
- C Memelihara ideologi Rukun Negara
- D Menjamin kuasa Mahkamah Atasan

- 34 Maklumat berikut berkaitan penganjuran sukan di Malaysia.

- Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
- Sukan Malaysia (SUKMA)

Mengapakah penganjuran sukan tersebut diadakan?

- A Mengukuhkan perpaduan nasional
- B Membina kemudahan infrastruktur
- C Menggalakkan semangat kenegerian
- D Memperoleh penghormatan antarabangsa




- 35 Tun Abdul Razak Hussein telah melancarkan Rancangan Buku Hijau pada 20 Disember 1974.

Mengapakah rancangan tersebut dilancarkan?

- A Mengeluarkan bahan makanan
- B Menggalakkan pelaburan asing
- C Membangunkan industri kecil
- D Menyediakan prasarana desa

- 36 Graf berikut menunjukkan penurunan kadar kemiskinan di negara kita.



Sumber: Jabatan Perangkaan Negara

Apakah faktor penurunan tersebut?

- A Peningkatan kadar kelahiran
- B Pertambahan peluang pekerjaan
- C Pergantungan kepada tenaga buruh asing
- D Pengasingan kaum mengikut fungsi ekonomi

[Lihat halaman sebelah

- 37 Negara kita menjalin hubungan luar dengan pelbagai kerajaan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Mengapakah hubungan luar tersebut perlu dipertahankan?


- A Meluaskan wilayah pengaruh
 - B Menjaga kepentingan peribumi
 - C Memperkukuh kerjasama diplomatik
 - D Memperjuangkan hak persamaan taraf
- 38 Gambar berikut berkaitan pertemuan Tun Abdul Razak Hussein dan pemimpin China pada tahun 1974.



Mengapakah pertemuan tersebut penting?

- A Pelaksanaan misi pengaman
- B Pengamalan dasar berkecuali
- C Pengukuhan hubungan serantau
- D Pemeteraian perjanjian pertahanan

- 39 Peta berikut berkaitan dengan kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga yang melibatkan negara anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).



Lingkungan kawasan SIJORI – GT

Apakah kesan kerjasama tersebut terhadap negara terlibat?

- I Memperoleh tarif cukai yang rendah
- II Menetapkan harga pasaran komoditi
- III Meningkatkan keuntungan bersama
- IV Membendung campur tangan negara maju

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 40 Maklumat berikut berkaitan tindakan Malaysia selepas menandatangani Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) pada tahun 1995.

Malaysia tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh atau mengadakan latihan di perairan negara kita.

Mengapakah tindakan tersebut diambil?

- A Mengelakkan berlakunya konflik
- B Membasmi jenayah rentas sempadan
- C Mengatasi masalah pencemaran laut
- D Menerima desakan kuasa besar

KERTAS SOALAN TAMAT

